

## Eratkan Silaturahmi Jalinkan Ukhuwah

6 Mei 2022 / 4 syawal 1443h

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala yang memberikan kesempatan untuk melakukan pelbagai amal ibadat dalam bulan Ramadan, semoga amalan tersebut diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Kita juga bersyukur kerana berpeluang untuk menyambut hari raya adil fitri dengan penuh kegembiraan. Antara nikmat besar aidil fitri ialah kita dapat mengeratkan hubungan silaturahmi bersama dengan saudara mara dan kaum kerabat. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Nisa ayat 1:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا

كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

**Yang bermaksud** :“Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada tuhan kamu yang telah menciptakan kamu (bermula) daripada diri yang satu (Adam); dan daripadanya Allah Subhanahu wa-Ta’ala menciptakan isterinya (Hawa) dan juga membiakkan daripada kedua-duanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai; dan bertakwalah kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah Subhanahu wa-Ta’ala sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.”

Sesungguhnya usaha untuk mengerat tali silaturahim dengan saudara mara adalah tuntutan besar dalam Islam. Amalan memberi salam, ziarahi-menziarahi, bertegur-sapa, menyediakan jamuan, memberi hadiah serta bersalam-salaman akan menguatkan hubungan silaturahim dan ukhuwwah Islamiah serta ini semua akan mendapat ganjaran pahala yang besar di sisi Allah Subhanahu wa Ta’ala. Ingatlah! Menghubungkan silaturrahim adalah salah satu ciri orang yang beriman. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari :

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

**Yang bermaksud:**“*Siapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, hendaklah dia menghormati tetamunya. Siapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, hendaklah dia mengeratkan hubungan kekeluarganya.*”

Allah juga akan mengurniakan nikmat umur yang panjang, rezeki dan kematian yang baik bagi orang yang sentiasa menjaga hubungan silaturrahim sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam Ahmad yang bermaksud: “*Barang siapa ingin dipanjangkan umurnya, dilapangkan rezekinya dan dihindarkan daripada kematian yang buruk maka hendaklah dia bertakwa kepada Allah dan menyambung silaturrahim (tali persaudaraan)*”.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala**

Sesungguhnya mengeratkan hubungan silaturrahim sesama saudara hukumnya adalah wajib. Manakala memutuskannya pula hukumnya adalah haram dan termasuklah dalam golongan orang-orang yang melakukan maksiat dan dosa besar dan tidak akan masuk syurga bagi orang yang memutuskan silaturrahim. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud:

“*Tidak akan masuk syurga bagi yang memutuskan silaturrahim.*”

Hubungan silaturahmi itu terputus biasanya berpunca daripada perselisihan yang disebabkan oleh harta benda, hutang-piutang, hasutan, fitnah, sifat sombong dan mementingkan diri sendiri yang membawa kepada sifat-sifat mazmumah seperti Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

Yang bermaksud: *“Jangan kamu dengki berdengki, jangan kamu benci membenci, jangan kamu mengintip mencari keaiban saudara kamu..... Jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara”*

Adalah menjadi kewajipan kita untuk menjaga hubungan silaturahmi dengan sebaik-baiknya. Janganlah disebabkan masalah kecil dan remeh-temeh, hubungan menjadi renggang.

Marilah kita bersama-sama berusaha menjaga dan mengeratkan lagi hubungan silaturahmi. Jika berlaku perselisihan, maka berusahalah untuk mencari jalan penyelesaian dan perdamaian kerana semua orang mukmin itu adalah bersaudara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿١٠﴾ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

**Yang Bermaksud:** *“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.